



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**3 OKTOBER 2021 (AHAD)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**3 OKTOBER 2021 (AHAD)**

## 111 peniaga jual minyak masak botol melebihi harga kawalan

**Kuala Berang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan 111 peniaga yang menjual minyak masak botol melebihi harga kawalan membabitkan sitaan bernilai RM13,961.50 dalam tempoh 1 Ogos hingga kelmarin.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata, daripada jumlah itu, kompaun bernilai RM26,850 turut dikeluarkan mengikut Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No 6) 2021, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ke-

rana kesalahan menjual melebihi harga maksimum.

Beliau berkata, kesemua kesalahan itu dikesan hasil daripada 19,266 pemeriksaan di seluruh negara sejak pelaksanaan harga runcit maksimum minyak masak dalam botol bermula 1 Ogos lalu.

Katanya, Johor merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 44 kes diikuti Perak (23 kes), Pulau Pinang (sembilan), enam kes masing-masing di Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Melaka, Pahang (empat kes), Negeri Sembilan (tiga kes), Sabah (dua kes) serta masing-masing satu di Kedah dan Selangor.

"Daripada jumlah itu, se-

ramai 14,456 peniaga menjual mengikut harga kawalan yang ditetapkan manakala 4,699 peniaga lagi menjual di bawah harga kawalan ditetapkan.

"Kerajaan sebelum ini menetapkan harga maksimum runcit bagi minyak masak sawit tulen dalam botol pada harga RM29.70 bagi botol lima kilogram (kg), RM18.70 bagi botol tiga kg, RM12.70 bagi botol dua kg dan RM6.70 bagi botol satu kg.

"Harga minyak masak bersubsidi dalam paket satu kg pula ditetapkan pada harga RM2.50," katanya ketika ditemui pada Lawatan Ke Penternakan Kelulut di sini, semalam.

## Kerajaan kenal pasti kaedah terbaik stabilkan harga ayam

**GOPENG** - Kerajaan telah mengenalpasti beberapa kaedah bagi menstabilkan harga ayam agar dapat memberi impak terbaik kepada pengguna dan penternak di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kaedah terbabit diperoleh hasil libat urus kementeriannya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) serta pemain industri.

"Kita dapatkan pandangan mereka dan antara lain adalah lanjutkan subsidi dedak ayam, namun mereka lebih suka diberi pinjaman mudah kerana kos operasi yang naik bukan dedak ayam sahaja.

"Langkah lain mungkin kita buat stok simpanan dan sebagainya tetapi semua ini idea dahulu dan kita belum tetapkan lagi kerana kita mahu cari langkah terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika melawat Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Food Bank Malaysia (Zon Utara) di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini pada Sabtu.

Menurut Alexander, perkara itu bagaimanapun sedang diteliti oleh Kementerian Kewangan.

"Kita mengambil kira keseluruhan konteks ekonomi jika kita beri subsidi kepada semua. Kemungkinan kemampuan kita dari segi kewangan tidak dapat buat secara berterusan kerana ia akan membebankan.

"Bagaimanapun, kita akan sampaikan satu keputusan yang boleh membantu dan idea ini kita sampaikan kepada Kementerian Kewangan.

"Jadi, kita berharap dengan keputusan itu nanti jika dilaksanakan, kita boleh kawal harga ayam di peringkat penternakan, pemborong dan peruncit," katanya.

**KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA**  
 #barangbaikbarangkita

*Jom Sokong dan Beli*

KEMENTERIAN PEDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PERGUNA

www.kpdnhep.gov.my @kpdnhep KPDNHEP TV